



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 10 / 2023	Membina Geral Di Taman Awam Jengka, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, MD Maran, Pahang Darul Makmur.	Gred G2 Kategori Awam, Pengkhususan CE21	RM50.00 (Tunai/Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/Bank Deraf) Atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Maran	16.02.2023 (Khamis) hingga 23.02.2023 (Khamis) Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini.	16.02.2023 (Khamis) hingga 23.02.2023 (Khamis) 8:30 pagi hingga 4:30 petang
MDM / SH / 11 / 2023	Membalik Pulih Geral Di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, MD Maran, Pahang Darul Makmur.				
MDM / SH / 12 / 2023	Kerja-kerja Pencahayaan Di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, MD Maran, Pahang Darul Makmur.	Gred G1/G2/G3 Kategori Elektrik, Pengkhususan E11	RM20.00 (Tunai/Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/Bank Deraf) Atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Maran	Sesi lawatan tapak ini tidak diwajibkan.	di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran.

2. Kontraktor hendaklah mengamalkan penjarakan sosial, kerap cuci tangan dengan air dan sabun / penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah diwajibkan. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan bagi kontraktor yang berada di Luar Daerah Maran.
3. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah dan hanya penama syarikat sahaja** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK)** yang dikeluarkan oleh CIDB serta **Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB)** oleh PPK semasa membuat pembelian sebutharga.
4. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **24 Februari 2023 (Jumaat) selewat-lewatnya Jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,


Sr MAZAITUN HANI BINTI ZAINON, PKT., MRISM.

Setiausaha

b.p Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran

Tarikh 06 Februari 2023